

Dunia hadapi bahaya

UM 2 1 JUL 2003

KUALA LUMPUR 20 Julai — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, dunia kini menghadapi bahaya pertembungan tamadun ekoran kegagalan Barat memahami masalah umat Islam.

Walaupun pada peringkat awal agak keberatan menerima pendapat yang dikemukakan oleh Profesor Universiti Harvard, Samuel P. Huntington mengenai fenomena itu tetapi beliau kini mengakui kebenarannya.

“Saya hendak menafikannya tetapi saya melihat ia berlaku sekarang ini,” katanya

dalam temu bual eksklusif bersama AFP di Putrajaya di sini, menjelang lawatan Presiden Perancis Jacques Chirac ke negara ini Selasa ini.

Menarik perhatian kepada sikap dwi-standard Barat dalam isu kezaliman Israel ke atas Palestin, beliau berkata, ia memberi gambaran bahawa umat Islam sentiasa menjadi sasaran.

“Jadi di sini berlaku pertembungan tamadun.

“Ia hanya dapat diatasi dengan menghentikan penindasan ke atas umat Islam,”

pertembungan tamadun — PM

tegasnya sambil menekankan bahawa Barat boleh belajar memahami masalah umat Islam melalui rundingan dan perbincangan.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, negara-negara Islam perlu membangunkan kekuatan ketenteraan bagi mempertahankan diri daripada serangan Barat dan bukan untuk melakukan ancaman.

Menurut Dr. Mahathir, langkah itu yang bertujuan menggerunkan pihak musuh adalah dituntut dalam al-Quran.

“Jika mereka kuat maka tidak ada pihak yang akan menyerang. Sekarang (pertahan-

an) negara-negara Islam lemah dan disebabkan itu mereka kecewa, marah dan bertindak ganas.

“Adakah Amerika Syarikat akan menyerang China? Tentu sahaja tidak kerana jika berbuat demikian, ia akan menghadapi masalah besar,” katanya.

Dalam temu bual itu, Dr. Mahathir turut menyentuh tentang persaraannya, pencapaian dan cabaran yang dihadapi sepanjang 22 tahun menerajui pemerintahan negara.

Baginya, kejayaan mengekalkan kestabilan negara tanpa pertelingkahan kaum me-

rupakan pencapaian terbaik sepanjang kerjayanya sebagai Perdana Menteri.

Bagaimanapun, beliau kecewa kerana masih belum berjaya membawa orang Melayu sepenuhnya ke dalam pasaran ekonomi terbuka.

“Negara kekal stabil dan tidak ada rusuhan kaum. Bagisaya, inilah pencapaian terpenting kerana semasa mula menjadi Perdana Menteri kebanyakan orang Cina melihat saya sebagai ekstremis. Saya rasa mereka sudah ubah fikiran,” katanya.

Mengulas krisis ekonomi pada 1997 yang mendorong kerajaan melaksanakan langkah kawalan modal dan tambatan ringgit kepada dolar Amerika Syarikat, beliau menganggapnya sebagai tempoh paling sukar.

Dr. Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata, tindakan Malaysia menolak bantuan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) adalah keputusan sukar kerana ia bertentangan dengan arus dunia dan konvensional.

“Semua orang berkata ia salah, malah mereka yang di keliling saya pun kata tidak! Saya tidak boleh buat begini. Gabenor Bank Negara dan timbalannya meletak jawatan,” katanya.

Namun akhirnya, IMF mengakui formula Dr. Mahathir berjaya mengeluarkan Malaysia daripada kegawatan ekonomi.

Mengenai langkah sandaran ringgit kepada dolar Amerika Syarikat yang telah menyelamatkan ekonomi Malaysia, beliau berkata, tidak ada rancangan untuk menga-pungkan mata wang negara.

“Kita fikir langkah itu berjaya. Kita tidak akan menghentikannya tetapi mungkin menukar nilai mata wang.

“Sudah tentu kadar tukaran tetap adalah lebih baik daripada kadar tukaran yang berubah-ubah kepada manipulasi, ini adalah penyelesaian jangka panjang kepada dunia,” katanya.

Ditanya adakah beliau tidak dapat tidur dengan masalah ekonomi yang terpaksa ditanganinya ketika itu, Perdana Menteri berkata:

“Tidak, untungnya walau apa masalah sekali pun, saya masih boleh tidur.”

Perdana Menteri menyamakan penglibatannya dalam dunia kewangan antarabangsa dengan kegemaran beliau berkuda.

“Jika anda tidak tahu menunggang kuda, anda akan jatuh. Saya pernah jatuh kuda sebanyak tiga kali. Tetapi untuk mendapat keseimbangan dan keserasian dengan haiwan ini ialah dengan belajar. Saya kena belajar tentang kewangan,” ujarnya.

Menurut Dr. Mahathir, beliau akan terus mengamalkan hobi menunggang kuda selepas bersara di samping belayar dan merakamkan pengalamannya dengan menulis memoir.